

Julai, Ogos paling sesuai

# Pilihanraya umum selepas 18 Mei

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Pilihanraya umum dijangka hanya diadakan selepas UMNO mengadakan pemilihan pucuk pimpinan bahagian masing-masing yang berakhir pada 18 Mei tahun depan.

Berlandaskan itu, difahamkan pucuk pimpinan UMNO yang menjadi tunggak Barisan Nasional tidak mungkin membubarkan Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri dan mengadakan pilihanraya umum sebelum tarikh tersebut.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Adalah lebih sesuai pilihanraya umum diadakan Ogos seperti dalam pilihanraya umum 1974 dan Julai pada 1978.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Haji Mustafa Jabar, mengesahkan pemilihan dan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian hendaklah diadakan 30 hari sebelum perhimpunan agung parti itu.

Dalam konteks ini, katanya, mesyuarat perwakilan hendaklah diadakan pada atau sebelum 18 Mei depan. Arahan telah diberi kepada semua bahagian UMNO mengenai perkara tersebut.

Kenyataan Setiausaha Agung UMNO itu secara tidak langsung menafikan ramalan-ramalan bahawa pilihanraya umum akan diadakan April.

"Pilihanraya umum tidak mungkin diadakan semasa bahagian-bahagian UMNO mengadakan pemilihan pucuk pimpinan mereka dan jika diadakan juga ia akan menjejaskan kedudukan UMNO sendiri," kata seorang pemimpin UMNO di sini.

"Ini berlandaskan kempen-kempen untuk merebut jawatan dalam bahagian sedang berjalan rancak sekarang," tambahnya.

## Tersusun rapi

Seorang lagi pemimpin UMNO berkata: "Kalau ada pun pilihanraya umum tahun depan ia mungkin diadakan pada Ogos dan bukan April sebagaimana yang diramalkan."

Menurutnya, UMNO mesti membetulkan keadaan rumahtangganya sendiri dan memastikan lanya berjalan dengan baik dan tersusun rapi sebelum menghadapi 'perang', dan begitu juga Barisan Nasional.

"Percakaran antara MCA dan Gerakan mesti diselesaikan dulu dan begitu juga antara USNO dan Berjaya di Sabah," katanya.

Ramalan pilihanraya umum dikatakan diadakan pada April berikutan dengan beberapa perkembangan yang berlaku dalam UMNO dan juga Kerajaan.

Antaranya ialah pengumuman Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam, baru-baru ini di Johor yang mengarahkan semua 14 bahagian di negeri itu mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing pada Februari manakala cawangan-cawangan sebelum bulan akhir Januari.

Meskipun arahan itu dibuat di Johor selaku Ketua Perhubungan Negeri namun pemerhati politik mengaitkan arahan tersebut sebagai 'lampu hijau' menandakan pilihanraya umum, diadakan April.

Datuk Muda yang juga Timbalan Perdana Menteri menggesa ahli-ahli UMNO dan parti komponen Barisan Nasional berstiap sedia menghadapi pilihanraya umum bila-bila masa saja.

Tetapi berlandaskan arahan Ibupejabat UMNO bahawa mesyuarat perwakilan bahagian boleh diadakan sehingga 18 Mei depan, adalah tidak sesuai pilihanraya umum diadakan April.